

17 AUG 1999

BN PERAK SUSUN STRATEGI HADAPI PILIHAN RAYA

IPOH, 17 Ogos (Bernama) -- Jentera pilihan raya umum Umno negeri menyusun strategi terbaik bagi memastikan rakyat terus memberi sokongan penuh kepada Barisan Nasional (BN).

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, pelbagai pendekatan strategi termasuk yang disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaksanakan bagi memastikan majoriti besar BN.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan pertubuhan ketua-ketua kampung negeri Perak di sini hari ini, Ramli yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, jawatankuasa pilihan raya peringkat Parlimen dan Negeri sudah ditubuhkan.

Kira-kira seminggu menjelang pilihan raya jawatankuasa di peringkat bahagian akan melantik petugas untuk membantu menggerakkan jentera pilihan raya.

Beliau berkata setiap ketua cawangan juga sudah diarah supaya mengemaskini rekod pengundi dengan mendapatkan maklumat latar belakang, pekerjaan dan tempat tinggal sekarang.

Dalam ucapan pada majlis itu Ramli mengingatkan ketua-ketua kampung supaya berusaha membanteras gejala sosial di kalangan masyarakat termasuk kumpulan yang cuba memecah-belahkan keharmonian mereka.

-- BERNAMA

PBA NMO